NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 22 MAC 2016

RUJUKAN : 8632

SOALAN:

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan pelaksanaan hukuman tahanan rumah (*home detention*) di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara telah membuat penelitian terhadap hukuman tahanan rumah (*home detention*).

Kajian yang lebih terperinci akan dijalankan jika wujud keperluan melaksanakan hukuman tahanan rumah ini. Pelaksanaan hukuman sebegini juga turut memerlukan pindaan terhadap perundangan yang sedia ada.

SOALAN (43)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	22 MAC 2016 [SELASA]
DARIPADA	:	Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

SOALAN :-

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah penganjur Himpunan Baju Merah pada 16 September 2015 telah membayar kos pembersihan di Padang Merbok. Jika belum, bilakah Kementerian akan ambil tindakan terhadap mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penganjur Himpunan Baju Merah masih belum membuat transaksi bayaran bagi kos pembersihan sebanyak RM38,214.70.

Selaras dengan itu, Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. telah mengambil tindakan dengan menghantar invois tuntutan bayaran kepada Penganjur Himpunan Baju Merah pada 30 September 2015. Justeru itu, sebarang tindakan susulan berkenaan tuntutan kos bayaran pembersihan kepada pihak penganjur **akan dibuat oleh pihak syarikat Alam Flora. Sdn. Bhd.** memandangkan pihak konsesi tersebut mempunyai hak untuk membuat tuntutan ini dan selaku pihak yang memberikan perkhidmatan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2016